

28/02/2003

Taktik berbohong bukan penyelesaian masalah SAR

PENDIDIKAN terletak di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan dan agama pula di bawah kuasa raja-raja di setiap negeri. Apabila dua perkara ini digabungkan menjadi pendidikan agama, siapakah yang sebenarnya berkuasa dan bertanggungjawab ke atasnya?

Di dalam amalan sekarang, pendidikan agama di sekolah kebangsaan dan institusi pendidikan yang dikelolakan oleh Kementerian Pendidikan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan manakala kerajaan negeri pula mengurus sekolah agama negeri dan tertakluk kepada kuasa kerajaan negeri.

Sekolah agama kerajaan negeri ini ditadbir oleh jabatan agama di negeri masing-masing. Kebanyakan sekolah agama kerajaan negeri secara sukarela menggunakan sukatan pelajaran yang diguna pakai oleh Kementerian Pendidikan dan menambah mata pelajaran agama untuk melayakkan pelajar mengambil Sijil Tinggi Agama dan STAM (Sijil Tinggi Agama Malaysia).

Selain sekolah kerajaan negeri, ada sekolah agama rakyat (SAR) yang didaftarkan di bawah jabatan agama. Pendaftaran SAR dianggap hak kerajaan negeri dan tiada apa-apa kuasa Kerajaan Pusat yang boleh menentukan pendaftaran SAR kerana ia dianggap urusan agama.

Tidak timbul masalah kuasa di dalam mengurus pendidikan agama selama ini walaupun bidang pendidikan berada di bawah kuasa Kerajaan Pusat dan agama di bawah kuasa kerajaan negeri.

Bukan saja tidak timbul konflik kuasa di dalam mengendalikan pendidikan agama, bahkan Kerajaan Persekutuan turut membantu kerajaan negeri dan SAR.

Pendidikan agama berjalan lancar dengan sokongan semua pihak walaupun kualiti pendidikan agama sering diperkatakan dan kadang-kadang dipersoalkan kerana kelemahan pelajarinya menguasai ilmu-ilmu Islam.

Dari manakah timbulnya isu SAR sekarang sehingga Kerajaan Persekutuan mengambil keputusan memberhentikan bantuan kepada SAR? Pendidikan agama tiba-tiba muncul menjadi isu dan pemberhentian bantuan kepada SAR dijadikan isu politik yang hangat oleh Pas.

Di pihak kerajaan, tindakan yang diambil dinyatakan dengan jelas oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di dalam taklimat kepada pemimpin Umno baru-baru ini. Sebab utama ialah SAR telah dicerobohi Pas yang menyebabkan pendidikan agama terpesong dari landasannya yang benar.

Pas mempengaruhi pelajar supaya membenci kerajaan dan menyokong perjuangannya dan SAR dijadikan saluran bagi menyemai ideologi kepartian Pas yang sempit.

Sebab kedua ialah kerana berkembang fenomena di mana orang Cina dan India kurang berminat menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan disebabkan persekitaran sekolah yang membimbangkan mereka.

Pada waktu sama, orang Melayu cenderung menghantar anak mereka ke

sekolah agama kerana menganggap sekolah kebangsaan tidak memberikan pendidikan agama yang mencukupi. Dengan kecenderungan menghantar anak untuk mendapat pendidikan di SAR, mereka bukan saja terdedah kepada indoktrinasi Pas tetapi juga pendidikan tidak berkualiti akibat kelemahan

pendidikan dan kekurangan kemudahan pembelajaran di SAR itu sendiri.

Kedua-dua perkembangan ini menuju ke arah menggagalkan matlamat pendidikan negara dan menjejaskan usaha menyatukan rakyat sebagai teras kepada kestabilan dan keamanan negara.

Bagi mengatasi ancaman ini, kerajaan sedang mengambil langkah memperkukuhkan pendidikan agama di sekolah kebangsaan supaya ia memenuhi hasrat ibu bapa beragama Islam untuk anak mereka mendapat pendidikan agama

yang lebih sempurna.

Pendidikan agama diadakan pada sebelah petang supaya dilihat berasingan

daripada pembelajaran pada sebelah pagi yang ditumpukan kepada mata pelajaran lain yang difahami secara tradisional sebagai bukan daripada mata pelajaran agama. Cara ini akan mengurangkan kebimbangan orang Cina dan India untuk menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan.

Walaupun pendidikan agama dimantapkan, suasana sekolah mestilah berada di dalam persekitaran seperti yang disebutkan oleh pengerusi jawatankuasa

khas mengkaji kurikulum sekolah kebangsaan, Tan Sri Murad Mohd Noor, iaitu

tidak terlalu Melayu dan Islam hingga membimbangkan orang Cina dan India untuk menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan.

Walaupun langkah penyusunan semula sekolah kebangsaan masih pada peringkat perbincangan, tindakan yang sedang diambil itu untuk kepentingan

negara. Saya yakin kerajaan beriltizam penuh bagi menjadikan negara ini tempat terbaik untuk semua rakyat yang asas utamanya ialah perpaduan dan keamanan.

Bayangkan jika Pas dibiarkan mendirikan sekolah sendiri menerusi SAR dan

menguasainya serta menjadikan SAR yang ditubuhkan itu sebagai pangkalan bagi penyebaran fahaman politik kepartian dan menanam bibit kebencian sesama Islam, apakah yang akan terjadi kepada negara yang berbilang kaum ini?

Dengan menguasai beberapa SAR sekarang pun, bahaya ideologi Pas sudah jelas kelihatan, apalagi ideologi itu berselindung di sebalik nama Islam.

Melihat kepada kepentingan negara dan kesejahteraannya, langkah kerajaan

memberhentikan bantuan kepada SAR adalah langkah yang lembut dan berhati-

hati.

Langkah lebih drastik ialah menutup SAR yang dikuasai oleh Pas yang menyebarkan kefahaman kepartian ini.

Penguasaan lapangan pendidikan yang menjurus ke arah polarisasi sosial dan agama adalah ancaman kepada kesejahteraan umat. Tindakan ke atas perkembangan ini perlu lebih tegas dan berani.

Keselamatan dan kesejahteraan negara perlu diutamakan, terutama dalam menghadapi kerenah golongan yang hanya mengutamakan kepentingan politik

kepartiannya daripada kepentingan keamanan dan kesejahteraan seluruh rakyat dan masa depan negara.

Bagaimanapun, langkah berhati-hati kerajaan di dalam menangani isu SAR itu ada hikmahnya.

Sekurang-kurangnya, Kerajaan Persekutuan dengan tindakan itu terus menghormati kuasa kerajaan negeri mengenai agama. Pendirian bijaksana seperti inilah bukti bagi sebuah kerajaan yang bertanggungjawab.

Sudah pasti Pas tidak berdiam diri terhadap langkah kerajaan menghalang usahanya mencerooboh sistem pendidikan nasional melalui SAR. Hasratnya untuk mengembangkan ideologi politiknya melalui SAR akan terganggu kerana akan berhadapan dengan masalah kewangan.

Pas sebenarnya tidak memasukkan kepentingan nasional di dalam agendanya.

Hanya kepentingan politik kepartiannya yang diutamakan. Justeru, Pas menghadapi isu SAR dengan penuh emosional.

Pas juga tidak mempedulikan kualiti dan keberkesanan SAR di arena pendidikan bagi mempersiapkan pelajarinya untuk berhadapan dengan cabaran global. Hujah Pas banyak membangkitkan nostalgia SAR yang berjasa melahirkan ulama dan ilmuwan Islam di negara ini.

Pas tidak melihat SAR seperti yang ada sekarang. Walaupun ramai gurunya berkelulusan Al-Azhar, bagaimanakah kualiti guru berkenaan? Keupayaan siswazah Al-Azhar tidak seperti siswazah Al-Azhar dulu dalam penguasaan ilmu agama.

Mampukah guru yang tidak terlatih di SAR itu melahirkan calon ulama? Tahap penguasaan bahasa Arab mereka tidak cukup untuk merujuk sumber pengetahuan di dalam bahasa itu, apalagi tahap penguasaan bahasa Inggeris

yang menjadi bahasa ilmu pengetahuan pada zaman ini. Bagaimanakah dikatakan SAR boleh melahirkan ulama dan ilmuwan berkaliber?

Persoalan sebenar menguasai isu SAR ialah pencerobohan Pas ke atas sistem pendidikan nasional menerusi penubuhan SAR yang tidak dikawal oleh dasar yang mantap sehingga SAR boleh digunakan untuk kepentingan politik kepartian Pas yang sempit.

Akibat pencerobohan itu, pelajar SAR terdedah kepada jenis pendidikan kepuakan dan kepartian yang membawa kesan buruk kepada kesejahteraan negara. Justeru, perkembangan yang tidak sihat ini mesti dibendung dengan

tegas. Pendidikan mesti bebas daripada pengaruh kepuakan dan kepartian demi kesejahteraan rakyat dan negara pada masa depan.

Kerajaan tidak seharusnya bersubahat dengan pencerobohan ini menerusi bantuan yang diberikan kepada SAR, sebaliknya berusaha mengukuhkan pendidikan agama di sekolah kebangsaan bagi memenuhi kehendak ibu bapa supaya anak mereka mendapat pendidikan agama yang lebih sempurna. Inilah yang sedang diusahakan sekarang.

Pendidikan agama yang mantap mestilah dibuat berasaskan sistem jurusan pada peringkat menengah atas supaya jurusan agama menjadi pilihan bagi mereka yang memilih untuk mengkhusus dalam bidang agama.

Pendidikan agama pada peringkat rendah dan menengah rendah mestilah mampu membina sahsiah keislaman dan keyakinan agama yang kukuh sebagai asas jati diri walaupun pengkhususannya nanti bukan jurusan agama.

Jika Pas jujur memperjuangkan agama, parti itu seharusnya memberi pendapat dan cadangan bagaimana hendak memantapkan pendidikan agama keseluruhannya di mana-mana juga institusi pendidikan agama di negara ini.

Menggunakan isu SAR untuk mempertahankan kewujudannya sedangkan SAR tidak mampu memberikan pendidikan berkualiti adalah cetusan daripada sikap bebal yang tidak mendatangkan kebaikan kepada agama dan pelajar agama.

Pas berdosa membohongi rakyat kononnya kerajaan hendak menghapuskan sekolah agama. Strategi Pas menggunakan taktik pembohongan itu tidak akan dapat menutup hakikat bahawa kerajaan beriltizam mengukuhkan pendidikan Islam di negara ini.

Ini kerana mata rakyat tidak boleh ditutup oleh Pas untuk melihat universiti dan kolej Islam yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri yang dikuasai Barisan Nasional.

Bahkan kenaifan pemerintahan Pas di Kelantan dan Terengganu menjadikan pendidikan agama di negeri itu bertambah lemah. Kolej Agama Sultan Zainal Abidin yang menyerlah di bawah Barisan Nasional diancam kegoyahan di bawah pemerintahan Pas. Siapa sebenarnya yang akan menghancurkan institusi agama?